



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Kumpulan Pelaksana

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA, UMPSA PEKAN

PEREKA GRED B19/B22

Tangga Gaji RM1,500.00 (Minimum) - RM4,680.00 (Maksimum)

***PEREKA GRED B1 *(Gred Lantikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

2. Kelayakan Lantikan Bagi Jawatan Pereka Gred B1:

- a. mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. (Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau
- b. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau
- c. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau
- d. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,561.00); atau
- e. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,622.00).

3. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2 (b), 2 (c), 2 (d), 2 (e) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan Kepada Calon:

Calon hendaklah mempunyai kemahiran bagi :

- Aktiviti Multimedia & Rakaman – Mahir dalam seni fotografi dan videografi bagi aktiviti dalam/luar studio, serta penggunaan AI seperti *auto-captioning*, *noise reduction* dan *video enhancement*.
- Kerja-kerja Reka Bentuk Grafik & Visual - Mahir dalam penggunaan *Adobe Illustrator*, *Photoshop*, *Premiere* serta alat AI seperti *Adobe Firefly*, *Canva AI* atau *text-to-image tools*.
- Mahir dalam penghasilan Kandungan Pembelajaran Digital seperti penghasilan ilustrasi, ikon, infografik dan elemen visual untuk modul Micro-Credential dan e-pembelajaran.

Syarat Tambahan Lantikan:

- Komited, berdisiplin dan mampu bekerja dengan pengawasan minimum.
- Adaptif terhadap teknologi baharu terutamanya AI dalam penghasilan kandungan.
- Boleh bekerja secara kolaboratif dengan pembangun Modul, pensyarah dan pasukan.
- Dapat mengaplikasi kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan Reka Bentuk & Multimedia, aktiviti rakaman (dalam dan luar kampus), platform e-pembelajaran digital dan lain-lain yang berkaitan bagi menyokong keperluan pembangunan *Micro-Credential & Open & Distance Learning (ODL)* UMPSA berteraskan teknologi AI dan digitalisasi adalah satu kelebihan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilain Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

PUSAT PENGURUSAN BAKAT

JABATAN PENDAFTAR

CANSELERI TUN ABDUL RAZAK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

26600 PEKAN

PAHANG DARUL MAKMUR

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA : 10/12/2025

TARIKH TUTUP : 24/12/2025